

05 DEC 2001

SULTAN MIZAN UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN FINLAND

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Tarja Halonen sempena Hari Kebangsaan Finland.

Dalam perutusan itu yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Seri Paduka bertitah mengharapkan kesejahteraan Halonen dan kemakmuran berkekalan untuk rakyat Finland.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Paavo Lipponen, yakin bahawa hubungan rapat dan mesra antara Malaysia dan Finland akan terus meningkat pada masa akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya, Erkki Tuomloja, pula berkata Malaysia dan Finland menjalinkan hubungan yang mesra sejak sekian lama.

Beliau yakin hubungan erat dan pemahaman yang wujud antara kedua-dua negara akan terus berkembang dan kukuh demi manfaat bersama.

-- BERNAMA

AT AHH NAK